

# UMS diiktiraf peneraju bagi pusat kecemerlangan industri Kluster Pertanian

NST 29.10.16 3

SANDAKAN: Bidang pertanian yang menjadi fokus penyelidikan dan keutamaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) membolehkannya diiktiraf sebagai universiti peneraju bagi Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) bagi Kluster Pertanian pada 2015 dan tahun ini.

Naib Cancellor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata ia berdasarkan pencapaian universiti itu yang telah disenaraikan dalam QS Ranking bagi subjek ‘perhutanan dan pertanian’ pada tangga 150-200 dunia.

Katanya di peringkat kebangsaan, UMS berada di tempat kedua selepas Universiti Putra Malaysia dalam bidang pertanian.

Pencapaian ini bukanlah alasan untuk UMS berpuas hati tetapi sebagai pemangkin untuk meneruskan perancangan dan usaha membangunkan industri pertanian, katanya pada Majlis Perasmian Agrosis K-Shoppe yang disempurnakan oleh Pengurus Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Tan Sri Badruddin Amirul din di Fakulti Lestari UMS dekat sini, kelmarin.

Menurutnya antara usaha yang giat dijalankan ialah penawaran tiga program akademik dalam bidang pertanian iaitu Pengeluaran Ternakan, Pengeluaran Tanaman serta Holtikultur dan Landskap.

Katanya program berkenaan turut diperkuuhkan dengan elemen keusahawan pertanian agar mahasiswa bersedia untuk menjadi usahawan tani yang dinamik dan berdaya saing.

Mohd Harun berkata UMS juga giat melakukan penyelidikan pertanian berimpak tinggi melalui tiga institusi penyelidikan iaitu Institut Penyelidikan Marin Borneo, Institut Penyelidikan Bioteknologi dan Institut Bioteknologi Tropika dan Pemuliharaan.